

Berita KUKUM

BENDERA KUKUM DI PUNCAK KINABALU

Pada tanggal 7 Januari 2004 yang lalu satu lagi detik sejarah bagi KUKUM tercipta di mana bendera KUKUM telah dipacakkan di puncak Gunung Kinabalu, gunung tertinggi di Asia Tenggara. Misi ini telah disempurnakan dengan penuh semangat dan kegagahan oleh dua kakitangan KUKUM (daripada Jabatan Keselamatan) iaitu En. Razali Alias dan En. Othman Lah. Mereka berdua telah dihantar oleh KUKUM untuk menjayakan misi ini di samping menyertai Kursus Pembangunan Diri Kakitangan Jabatan Keselamatan IPTA/S anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang bermula dari 3 hingga 7 Januari 2004. Kursus ini diadakan bagi meningkatkan tahap kecergasan, kecekapan dan silatulrahim di kalangan peserta.

Kejayaan ini diharapkan akan dapat menambahkan lagi semangat dan iltizam seluruh warga KUKUM bagi mencipta kejayaan dalam pelbagai bidang demi kecemerlangan universiti kita ini. Syabas diucapkan kepada wira-wira KUKUM ini.

